



KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

LAPORAN PROGRAM INOVASI JANM 2025

Disediakan Oleh:
Urusetia Jawatankuasa Kerja Inovasi JANM

PELAKSANAAN PROGRAM INOVASI JANM TAHUN 2025

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah berjaya melaksanakan kesemua inovasi yang telah dirancang seperti perincian dalam Kalendar Inovasi 2025 dibawah:



Perincian bagi setiap aktiviti inovasi yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2025 adalah seperti berikut:

LAWATAN INOVASI

Program Lawatan Inovasi dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada warga JANM berkaitan aktiviti, inisiatif dan idea inovasi yang dilaksanakan oleh agensi lain. Selain daripada pertambahan idea kepada peserta, lawatan ini juga bertujuan untuk

mempertingkatkan jaringan kerjasama dengan agensi luar.

Lawatan Inovasi ke Kilang Gardenia, Shah Alam telah diadakan pada 20 Februari 2025 dengan penyertaan seramai 23 orang peserta JANM Ibu Pejabat.



Lawatan peserta ke Kilang Gardenia, Shah Alam

KURSUS HORIZON BAHARU KUMPULAN KREATIF DAN INOVATIF (KIK)

Kursus Penyediaan Dokumen dan Persembahan Projek KIK JANM telah diadakan pada 17 hingga 19 April 2025 di The Grand Beach Resort, Port Dickson. Jumlah

penyertaan adalah seramai 54 orang yang terdiri daripada wakil JANM Negeri dan Cawangan. Penceramah jemputan adalah Encik Rosdi bin Osman yang bertugas di Jabatan Pengurusan Risiko, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Bengkel ini diadakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman tentang pelaksanaan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif.



Kursus Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)

PERTANDINGAN IDEA INOVASI

Pertandingan Idea Inovasi telah diadakan bermula 5 Mac 2025 sehingga 28 Mac 2025. Pertandingan ini diadakan untuk membudayakan inovasi dan kreativiti dalam gerak kerja warga JANM dalam usaha meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan. Pertandingan ini telah menerima sebanyak 31 penyertaan. Pemenang pertandingan adalah seperti berikut:

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Negeri	Cadangan Idea Inovasi
Pertama	Puan Norshafawati binti Jamal	JANM Negeri Perak	Pelaksanaan Sistem Permohonan Kelulusan Pembayaran Emolumen Secara Baucar Berasingan
Kedua	Puan Rohayu binti Yaacob	JANM Negeri Terengganu	iHCM 2.0 ialah penambahbaikan kepada HCM SAP GUI
Ketiga	Puan Precillia binti Mojiun	JANM Negeri Sarawak	Daftar Pemantauan Isu Matan Naziran Zon Sarawak

CERAMAH MOTIVASI

Ceramah Motivasi bertajuk '*Healthy Habits For Happy Minds And Ageing Gracefully*' telah disampaikan oleh Dr. Malar Santhi Santherasegapan seorang Doktor Perubatan pada 17 Februari 2025 di Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM. Seramai 259 peserta telah menyertai sesi ceramah motivasi ini. Ceramah ini diadakan untuk meningkatkan kefahaman warga JANM bahawa tabiat kesihatan yang baik amatlah penting dan bagaimana ia dapat mempengaruhi mendapatkan minda yang sihat dan bersemangat

dalam kehidupan yang penuh dengan kesibukan.



Ceramah Motivasi yang disampaikan oleh Dr. Malar Santhi Santherasegapan

PERTANDINGAN MENULIS ARTIKEL INOVASI

Pertandingan Menulis Artikel Inovasi diadakan bertujuan untuk mencungkil bakat penulisan warga JANM. Tempoh pertandingan bermula dari 8 April 2025 sehingga 30 Jun 2025. Sebanyak 27 penyertaan telah diterima oleh urus setia pertandingan dan tiga (3) pemenang pilihan juri adalah seperti berikut:

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Bahagian/Negeri	Tajuk Artikel
Pertama	Puan Hartini @ Nur Aini binti Ab Hamid	BPOPA	Ke Arah Pengurusan Kewangan Awam Masa Hadapan: Pemerkasaan JANM Melalui Inovasi MyFis
Kedua	Puan Nur Afifah binti Ahmad Lutfi	BPPP	Nilai MADANI Dalam Perkhidmatan Awam Ditingkatkan Melalui Inovasi Dipandu Integriti
Ketiga	Encik Naharudin bin Saadan	Kumpulan BPPP	Menjulung Daya Cipta, Memangkin Professionalisme Warga Dalam Marcapada Digital

PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO DAN TEMA 80 TAHUN JANM

Pertandingan Mencipta Logo dan Tema 80 Tahun JANM telah diadakan bermula 1 Julai 2025 hingga 31 Julai 2025. Pertandingan ini diadakan untuk mencetus idea kreatif warga JANM dalam penghasilan logo dan tema yang akan digunakan sebagai Tema

Inovasi Jabatan pada tahun 2026. Pertandingan ini telah menerima sebanyak 77 penyertaan. Senarai pemenang pertandingan adalah seperti berikut:

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Bahagian/ Cawangan	Tema 80 Tahun JANM
Pertama	Puan Nurul Diyana binti Musa	Institut Perakaunan Negara	Warisan Cemerlang Aspirasi Gemilang
Kedua	Encik Masmud bin Maksud @ Sahlan bin Osman	JANM Cawangan Keningau	80 Tahun Kecemerlangan Perakaunan Negara
Ketiga	Encik Sulaiman bin Sirad	Institut Perakaunan Negara	Warisan Cemerlang Aspirasi Gemilang

PERTANDINGAN KECERIAAN TANGGA

Pertandingan Keceriaan Tangga diadakan untuk menjadikan fasiliti tangga satu (1) tempat yang menarik, berinformasi dan mesra pengguna. Tempoh pertandingan adalah bermula 26 Jun sehingga 8 September 2025 dan terbuka kepada semua Bahagian di JANM Ibu Pejabat dan Persatuan. Tiga Pemenang yang telah dipilih adalah seperti berikut:

Kedudukan	JANM Bahagian/ Persatuan
Pertama	BKP
Kedua	BPTM
Ketiga	PSA

CERAMAH INOVASI

Ceramah Inovasi bertajuk Seminar Penyelidikan Dan Inovasi Perakaunan Sektor Awam Kebangsaan telah diadakan pada 28 - 29 Julai 2025 di Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM dan telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Nor Yati binti Ahmad. Seminar ini bertujuan menjadi platform kepada para pegawai untuk berkongsi pengetahuan berkaitan penyelidikan dalam bidang perakaunan, kewangan dan pengurusan serta mengukuhkan aspirasi terhadap kepentingan inovasi dalam perkhidmatan awam melalui pembentangan projek-projek berimpak tinggi yang telah memenangi anugerah di peringkat kebangsaan dan rantau Asia Pasifik.



Poster Ceramah Inovasi JANM Tahun 2025

PERTANDINGAN EKSA JANC UNGGUL

Pertandingan EKSA JANC Unggul diadakan untuk memupuk budaya EKSA di kalangan warga JANM Negeri dan Cawangan di samping sebagai salah satu persediaan JANM menghadapi pengauditan pensijilan semula EKSA JANM. Pertandingan ini telah diadakan pada 3 Jun sehingga 17 Julai 2025 dengan penyertaan oleh semua JANM Negeri dan Cawangan. Tiga pemenang bagi

pertandingan ini adalah seperti berikut:

Kedudukan	JANM Negeri/ Cawangan
Pertama	JANM Negeri Pahang
Kedua	JANM Negeri Perak
Ketiga	JANM Cawangan Tawau

PERTANDINGAN VIDEO TIKTOK INOVASI JANM 2025 (PERKHIDMATAN UTAMA JANM)

Pertandingan Video Tiktok Inovasi JANM 2025 - Perkhidmatan Utama JANM telah diadakan bermula 1 Ogos 2025 sehingga 12 September 2025. Pertandingan ini diadakan untuk memberikan ruang kepada warga JANM berkarya dan menyampaikan maklumat berkaitan Perkhidmatan Utama JANM dalam bentuk yang menarik. Pertandingan ini telah menerima sebanyak tujuh belas (17) penyertaan. Senarai pemenang pertandingan adalah seperti berikut:

Kedudukan	Nama Pemenang	JANM Bahagian/ Negeri
Pertama	Puan Nur Azianie binti Sarijan	JANM Negeri Selangor
Kedua	Puan Nur Afifah binti Ahmad Lutfi	BPPP
Ketiga	Puan Nur Izyan binti Hanafi	PPPA

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) telah diadakan di Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM pada 30 September 2025. Tujuan konvensyen ini diadakan adalah untuk mengumpul idea yang kreatif dan inovatif dari warga JANM dalam satu (1) platform khusus untuk pengkongsian maklumat dan kepakaran dalam kalangan peserta. Sebanyak sepuluh (10) kumpulan telah menyertai konvensyen ini dan

pemenang adalah seperti berikut:

Anugerah	Nama Kumpulan	Bahagian/ JANM Negeri	Nama Projek
Pertama	STA + AG	JANM Negeri Sarawak	Proses Pengurusan Dan Pembayaran Gaji Mystep Yang Tidak Efisien
Kedua	ADIWARNA	JANM Negeri Johor	e-SPGaji (Sistem Pengurusan Gaji Atas Talian)
Ketiga	SILVER SPARK	JANM Negeri Perak	Penyampaian Maklumat Terimaan Secara <i>Electronic Fund Transfer</i> (EFT) Yang Tidak Efisien Kepada Pejabat Pemungut
Khas Juri	VALIANT	JANM Negeri Selangor	eG-APPROVAL
Khas Juri	GISE	JANM Cawangan Tawau	AcceSync (X-Sync)

MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI DAN *KNOWLEDGE MANAGEMENT* JANM TAHUN 2025

Majlis Sambutan Hari Inovasi dan *Knowledge Management* JANM 2025 yang merupakan salah satu aktiviti tahunan di dalam Pelan Tindakan Inovasi JANM 2025 dan acara kemuncak bagi aktiviti inovasi JANM tahun 2025 telah diadakan pada 23 Oktober 2025 bertempat di Dewan Serbaguna, Aras 7, JANM. Sambutan pada kali ini telah diadakan bersekali dengan Sambutan Hari *Knowledge Management* dan telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Zainani binti Jusoh, Akauntan Negara Malaysia.



Sesi Perasmian Hari Inovasi dan *Knowledge Management* JANM Tahun 2025

----- TAMAT -----